

Tun M pandu uji kereta buatan Vietnam

Hanoi: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam memandu uji kereta buatan Vietnam, VinFast, semasa lawatannya ke Kompleks Hoa Lac Hi-Tech Park, Hanoi.

Diiringi Pengerusi Vingroup, Pham Nhat Vuong, dan juruteknik VinFast, Nguyen Anh Hieu, Dr Mahathir meluahkan masa kira-kira 10 minit memandu kenderaan utiliti sukan (SUV) model LUX SA (A) 2.0.

VinFast adalah jenama kereta dibangunkan pemaju hartanah terkemuka Vietnam, Vingroup yang melancarkan pembinaan kilang kereta bagi fasa pertama pada 2017.

Projek itu adalah sebahagian daripada pelan pengembangan Vingroup untuk memasuki industri berat di Vietnam, selain berharap menjadi pengilang kereta terkemuka di rantau Asia Tenggara dengan mengeluarkan 500,000 unit kereta setahun menjelang 2025.

Model Lux SA2.0 dilengkapi enjin empat silinder DOHC 2.0L turbo, dengan kapasiti 228 hp dan tork maksimum 350 Nm.

Tiga lagi model kereta di bawah jenama VinFast ialah Sedan Lux SA2.0, dan Fadil 1.5.

Pada sidang media bersama

wartawan Malaysia kemudian, Dr Mahathir yang menamatkan lawatan rasmi tiga hari ke Vietnam semalam, turut melahirkan rasa bangga dengan perkembangan pesat Zon Perindustrian Noi Bai yang beliau sendiri menyempurnakan majlis pecah tanah lebih 23 tahun lalu ketika menjadi Perdana Menteri keempat.

Zon Perindustrian Noi Bai ditadbir oleh Noi Bai Development Corporation Limited (NBD), iaitu syarikat usahasama Malaysia-Vietnam (Vista Spectrum Sdn Bhd dan Urban Infrastructure Development Investment Corporation UDIC Vietnam).

Ia adalah kawasan perindustrian terbesar di Vietnam dan pertama dibangunkan dengan kerjasama pihak asing.

Dr Mahathir berkata beliau dapat mengingati semula keadaan asal kawasan perindustrian itu ketika majlis pada 8 Mac 1996 itu selepas melihat gambar dipamerkan sempena lawatan semula ke situ semalam.

Zon Perindustrian Noi Bai yang berkeluasan 114 hektar kini mempunyai 46 pelabur yang menyediakan 22,000 peluang pekerjaan, termasuk empat syarikat usaha sama Malaysia dengan beberapa syarikat luar.



Dr Mahathir memandu uji kenderaan SUV model LUX SA (A) 2.0 buatan Vietnam ketika melawat Hoa Lac Hi-Tech Park, semalam. [Foto BERNAMA]